KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KKR BERSAMA JKR MALAYSIA PERKUKUH KESELAMATAN JALAN RAYA MELALUI PROGRAM CAKNA MADANI DAN PROGRAM PERDANA PEMBERSIHAN SISTEM PERPARITAN JALAN PERSEKUTUAN

SELANGOR – Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya, telah menyempurnakan dua (2) program bagi Majlis Penghargaan Siap Kerja Program Cakna MADANI: Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya yang melibatkan Program Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (*Blackspot*) Fasa 2, Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI) dan Pemasangan *Speed Sign Sensor* (SSS), serta Majlis Peluncuran Program Perdana Pembersihan Sistem Perparitan Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia Sempena Monsun Timur Laut (MTL) Tahun 2026.

2. Sejajar dengan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh keselamatan infrastruktur jalan raya serta melindungi nyawa pengguna, pelaksanaan projek berimpak tinggi terus digiatkan demi manfaat langsung kepada rakyat. Sehubungan itu, Program Cakna MADANI menumpukan kepada projek berskala kecil dan sederhana yang mampu disiapkan dalam tempoh singkat, selaras dengan aspirasi "cepat siap, cepat manfaat".

3. Dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan jalan raya, Program *Blackspot* dilaksanakan secara bersasar berdasarkan analisis data kemalangan yang direkodkan melalui sistem *Road Accident Management System* (RAMS) bagi mengenal pasti lokasi berisiko tinggi dan melaksanakan intervensi yang bersesuaian. Dari tahun 2021 hingga 2026, sebanyak **441 lokasi *Blackspot*** telah berjaya dirawat dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM153.1 juta.**

4. Bagi meningkatkan keselamatan pejalan kaki pula, Kementerian Kerja Raya (KKR) terus melaksanakan Program LPKSI yang telah diperkenalkan sejak tahun 2018. Sehingga tahun 2026, sebanyak **172 lokasi** telah dilengkapi dengan kemudahan lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat melibatkan kos keseluruhan sebanyak **RM45.8 juta.**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya
Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101
Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

5. Dalam mendepani perkembangan teknologi semasa, Kerajaan turut mengambil langkah memanfaatkan teknologi pintar bagi menyokong usaha meningkatkan keselamatan jalan raya. Sehubungan itu, pemasangan *Speed Sign Sensor* (SSS) telah diperkenalkan dengan menggabungkan teknologi terkini bagi pengesanan kelajuan menggunakan kamera berasaskan *Artificial Intelligence* (AI), radar dan *Internet of Things* (IoT). Sebanyak **18 lokasi** telah dikenal pasti mulai tahun 2025, melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM955 ribu**.

6. Bagi tahun 2026, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah **RM33.6 juta** untuk pelaksanaan Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya yang melibatkan **104 lokasi strategik di Semenanjung Malaysia.** Agihan peruntukan ini mencerminkan usaha Kerajaan untuk memastikan keperluan keselamatan jalan raya diberikan perhatian secara menyeluruh melalui pelbagai bentuk intervensi yang bersesuaian.

7. Pada majlis ini, KKR turut menyampaikan sijil penghargaan siap kerja kepada **44 kontraktor** yang telah berjaya menyiapkan projek mengikut tempoh dan spesifikasi yang ditetapkan. Pelaksanaan program ini turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat dan membuka peluang kepada pemain industri tempatan untuk terus berkembang.

8. Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia turut melaksanakan Program Perdana Pembersihan Sistem Perparitan Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia Sempena Monsun Timur Laut (MTL) Tahun 2026 dan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif yang telah mula dijalankan secara berperingkat bagi Negeri - Negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

9. Pelaksanaan program ini berteraskan strategi penyenggaraan pencegahan (*Preventive Maintenance*) yang menekankan tindakan pembersihan awal sebelum berlakunya kerosakan serius. Tumpuan utama diberikan kepada kerja-kerja pembersihan longkang, pembetung (*culvert*) dan sistem saliran di sepanjang rangkaian Jalan Persekutuan terutamanya di kawasan titik panas (*hotspots*) yang berisiko tinggi berlaku takungan air, limpahan banjir kilat dan bencana tanah runtuh.

10. Pendekatan penyenggaraan pencegahan yang dilaksanakan secara awal dan terancang ini bukan sahaja dapat memelihara aset jalan serta mengurangkan kos pembaikan kerosakan dalam jangka panjang, malah turut memastikan sistem saliran berfungsi dengan baik bagi mengurangkan risiko takungan air dan banjir kilat, sekali gus menjamin keselamatan serta kelancaran mobiliti rakyat, khususnya sepanjang Monsun Timur Laut (MTL).

11. KKR dan JKR Malaysia akan terus komited mempergiat pelaksanaan Program Cakna MADANI dan Program Perdana ini sebagai usaha berterusan dalam meningkatkan tahap keselamatan serta kualiti penyenggaraan infrastruktur Jalan Persekutuan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan infrastruktur jalan raya negara sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI demi kesejahteraan rakyat.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
18 NOVEMBER 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#TangkasBertindak
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja